



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

() KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 36

20 Ogos 2009

Pengarang
Sinar Harian

Tuan/Puan,

Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 8 Ogos 2009
Muka surat : S13
Tajuk : Pemilik rumah berdepan isu 'strata title'

Saya ingin merujuk kepada surat pembaca akhbar Sinar Harian bertajuk **Pemilik rumah berdepan isu 'strata title'**, Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Sinar Harian kerana mengutarakan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan akhbar tersebut dan mendapati isu yang timbul adalah berhubung pemaju tidak membuat permohonan Hakmilik Strata disebabkan kegagalan pemilik rumah untuk menjelaskan caj penyenggaraan.

Berdasarkan kepada Para 11 Jadual H Akta Pemajuan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] menyatakan bahawa pemaju bertanggungjawab untuk menyediakan Hakmilik Strata kepada pembeli rumah. Namun demikian, Para 10 Jadual H Akta 118 menjelaskan bahawa sekiranya pembeli gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti gagal menjelaskan mana-mana wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian Jual Beli (termasuk caj penyenggaraan) maka pemaju berhak membatalkan dan serta merta menamatkan perjanjian (tertakluk kepada subfasal (2) Akta yang sama)

Sehubungan itu, sebagai langkah penyelesaian segera, pembeli perlu menyelesaikan semua tunggakan caj penyenggaraan kepada pemaju. Seterusnya pemaju perlu mengemukakan permohonan hakmilik strata dengan segera.

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**